

3 BAND 3 GENERASI

Kongsi pentas dalam konsert Matrix Aidilfitri Festival 2018 di Bandar Sri Sendayan pada 30 Jun ini

Najiy Jefri
najiy.jefri@hmetro.com.my

Pasti ramai mengidolakan tiga band rock tersohor tanah air ini iaitu Search, Spider dan Hujan yang masing-masing mempunyai kelompok peminat tersendiri.

Sempena Aidilfitri ini, ketiga-tiga band terabit akan bergabung menggemarkan pentas dalam konsert Matrix Aidilfitri Festival 2018 di Bandar Sri Sendayan, Negeri Sembilan pada 30 Jun ini jam 9 malam.

Apa yang menarik, konsert itu diadakan secara percuma dan gabungan tiga band ini pasti ditunggu-tunggu kerana mereka datang dari tiga generasi berbeza.

Penyanyi Search, Amy berkata, dalam konsert itu,


Search yang turut dianggotai Nasir (bass), Din (gitar), Kid (gitar) dan Pa'e (dram) akan membawakan koleksi lagu popular mereka.

"Kami akan menampilkan seleksi lagu yang pernah menjadi hit sebelum ini. Setiap band juga berpeluang membuat persembahan selama 40 minit.

"Kalau ikutkan permintaan pihak pengajuur, mereka memang meminta supaya kami membawakan lagu bergenre rock sahaja," katanya.

Menurut Amy, buat masa ini mereka belum membuat sebarang persiapan, tetapi bakal memulakan latihan dalam waktu terdekat.

Katanya, banyak aspek yang perlu diambil kira membabitkan persediaan teknikal dalam pengajuran



sesebuah konsert.

"Kami akan mulakan latihan secepat mungkin. Ini kerana menjelang Aidilfitri nanti masing-masing akan sibuk.

"Jadi, inilah masa yang sesuai untuk kita masuk studio mengadakan latihan," katanya.

Sementara itu, penyanyi

Spider, Tam berkata, pengajuran konsert itu memberi peluang kepada peminat ketiga-tiga band itu berkumpul untuk mengeratkan lagi hubungan antara satu sama lain.

"Inilah peluangnya untuk kita bersama-sama berkumpul memandangkan konsert ini adalah gabungan

Setiap band juga berpeluang membuat persembahan selama 40 minit

AMY

TAM, Amy dan Noh bakal memberikan persembahan terbaik bersama band masing-masing.

band daripada tiga generasi.

"Pada saya, ia satu pengajuran yang baik kerana inilah masa yang sesuai untuk kumpulkan peminat rock tanah air pada satu tempat," katanya.

Konsert anjuran Matrix Concept Holdings Berhad itu berlangsung selama tiga jam.